



DARI AFL KE EPL: MBSB BANK BERHAD BAWA 12 PEMAIN TERBANG KE LONDON BERGURU DENGAN WOLVERHAMPTON WANDERERS FC

PETALING JAYA, 20 NOVEMBER 2023 – Bukan lagi impian tetapi kenyataan apabila 12 Pemain MBSB Bank Championship 2023 telah terpilih untuk menjalani latihan bersama pasukan yang beraksi di pentas Liga Perdana Inggeris (EPL), Wolverhampton Wanderers FC (Wolves). Senarai 12 pemain tersebut juga adalah termasuk 2 Pemain Pasukan Juara Al-Ikhsan Cup 2023, UiTM United yang turut hadir dan terpilih secara merit pada sesi pemilihan minggu lalu.

Kesemua 12 pemain ini akan diterbangkan ke England untuk menjalani latihan selama seminggu di Compton Park Training Ground, England bersama pasukan Wolves di bawah program ‘Dare To Dream’ yang dijayakan MBSB Bank Berhad (MBSB Bank) selaku Penaja Rasmi MBSB Bank Championship 2023.

Sesi penilaian dikendalikan oleh Pengurus Projek Antarabangsa Wolves, Joe Hunt; Jurulatih Bola Sepak & Pendidikan Wolves, Ryan Griffiths dan Jurulatih Pembangunan Bola Sepak Wolves, Cody Harper. Ketika sesi berlangsung, kesemua pemain perlu melepassi enam ujian (halangan) yang ditetapkan meliputi segala aspek bola sepak termasuk kepantasan, ketangkasan, kemahiran teknik serta simulasi perlawanan sebenar.

Ketua Pegawai Eksekutif MBSB Bank, Datuk Nor Azam M. Taib berkata, “MBSB Bank sentiasa berusaha untuk memastikan pendekatan yang kreatif dan dekat di hati pelanggan dilaksanakan untuk mempromosikan produk perbankan MBSB Bank. Melalui program ‘Dare To Dream’ ini, MBSB Bank bukan sahaja menggalakkan gaya hidup yang sihat melalui sukan, malah memupuk sifat menabung dan celik kewangan di usia muda melalui produk Akaun Simpanan M-Junior-i.”

Tambah beliau lagi, “MBSB Bank amat berbesar hati dapat bekerjasama dengan (AFL) dan Wolverhampton Wanderers melalui kolaborasi ini. Kami yakin pendekatan ini akan dapat membantu mengetengahkan bakat-bakat muda dan akar umbi bola sepak untuk lebih berjaya dan mempunyai anjakan paradigma ke peringkat antarabangsa.”

Ketua Pegawai Operasi Amateur Football League, Mohd Raimi Fakri Mohd Fuad berkata, “12 pemain yang dipilih seharusnya memanfaatkan peluang yang diberikan dan perlu dijadikan nilai tambah dalam perjalanan karier masing-masing sebagai pemain bola sepak.”

“Inilah usaha yang ingin ditonjolkan dalam mengetengahkan bakat-bakat muda dan terpendam dalam lingkaran atau rantaian bola sepak tempatan dan tidak keterlaluan, jika saya katakan pada masa akan datang pemain yang dipilih ini akan menggalas cabaran pasukan-pasukan kelab mahupun kebangsaan.”

“Bukan mudah untuk memastikan impian ini menjadi kenyataan namun MBSB Bank dengan kerjasama AFL berjaya melakukannya walaupun pada peringkat awal ramai yang agak meragui usaha murni ini demi pembangunan bola sepak tempatan.”

“Tahniah buat pemain-pemain yang terpilih, peluang seumpama ini datang hanya sekali jadi rebut dan manfaatkanlah sepenuhnya untuk masa depan.”

Mohd Raimi Fakri berkata, penganjuran program ‘Dare To Dream’ ini merupakan kesinambungan MBSB Bank Championship 2023 walaupun saingan telah berakhir namun usaha dan program kepada pemain-pemain tetap diteruskan.

“Usaha AFL dan MBSB Bank mencungkil bakat baharu serta menggilap kualiti pemain sedia ada bukan terhenti apabila berakhirnya sesuatu kejohanan mahupun pertandingan malah akan dibawa atau diketengahkan ke peringkat lebih tinggi,” akhiri beliau pada majlis pengumuman pemain MBSB Bank Championship 2023 yang akan mengikuti program ‘Dare To Dream’ - MBSB BANK x Wolverhampton Wanderers FC di Menara MBSB Bank, PJ Sentral, Petaling Jaya, Selangor.

-Tamat-

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Nik Surina Suria Nik Abdullah Jabatan Komunikasi Korporat MBSB Bank Berhad Aras 9, Menara MBSB Bank PJ Sentral, Persiaran Barat 46200 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan E: niksurina@mbsbbank.com T: 013 367 6488	Subkhi Sudarji Amateur Football League (AFL) Wisma FAM Jalan SS5A/9 Kelana Jaya 47301 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan E: subkhi.sudarji@theafl.my T: 019 382 5009
--	--

Mengenai MBSB Bank

MBSB Bank Berhad (MBSB Bank) merupakan sebuah bank Islam sepenuhnya di Malaysia yang menyediakan kemudahan perbankan patuh syariah kepada pelanggan runcit, PKS dan korporat. Sebagai tambahan kepada senarai produk pembiayaannya, MBSB Bank, meluaskan saluran pengedarannya melalui perkhidmatan dalam talian seperti perbankan mudah alih dan cawangan maya melalui keupayaan digitalnya. Untuk maklumat lanjut, lawati www.mbsbbank.com

Mengenai AFL

Amateur Football League (AFL) ialah sebuah entiti yang diberi kelulusan oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) untuk menganjur bola sepak peringkat amatur dan semi profesional. AFL ditubuhkan pada 2018 dengan usaha untuk mengembangkan sukan ini di peringkat akar umbi di Malaysia, melancarkan pertandingan pertamanya pada 2019. AFL kini beribu pejabat di Kelana Jaya. AFL percaya bahawa menjadi tanggungjawab dan visi kami Untuk Menjeluarai dan Melindungi permainan rakyat sebagai sukan utama penyatuhan Negara.